

7 JAN 1996

BARISAN NASIONAL SABAH BERMESYUARAT ESOK

KOTA KINABALU, 7 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah akan bermesyuarat di sini esok dengan dipengerusikan Pemangku Pengerusi BN Negeri yang juga Pemangku Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Surat jemputan mesyuarat berkenaan telah dihantar kepada semua parti komponen BN negeri oleh Setiausaha BN Sabah Datuk Karim Bujang.

Difahamkan antara agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan ialah cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah setiap dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Mengikut cadangan penggiliran itu, Ketua Menteri ketika ini Datuk Salleh Said Keruak yang sedang bercuti tahunan sehingga 22 Jan ini, akan melepaskan jawatan berkenaan pada 17 Mac ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata cadangan untuk menggilirkan jawatan berkenaan akan tetap dilaksanakan kecuali semua anggota komponen BN negeri memutuskan sebaliknya.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa pemimpin daripada SAPP akan dipilih untuk memegang jawatan itu selepas ini.

BN Sabah kini mempunyai sembilan parti komponen -- Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Akar Bersatu, Parti Liberal Demokratik (LDP), Gerakan, MCA dan MIC.
-- BERNAMA